



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 1 TAHUN 2004**

---

TUNGGAKAN KERJA UKUR HAKMILIK

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN  
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur  
Bahagian Kadaster

Ruj. Kami : KTPK 18/7/2.148 ( 5 )  
Tarikh: 10 Mac 2004

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 1 / 2004

**TUNGGAKAN KERJA UKUR HAKMILIK**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa gesaan dan peringatan telah pun dibuat sebelum ini kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri untuk memberikan keutamaan bagi menyiapkan kerja-kerja ukur hakmilik pra-1995. Walau bagaimanapun, didapati bahawa sehingga kini masih lagi terdapat JUPEM Negeri yang tidak dapat menyelesaikan kerja-kerja tersebut sepenuhnya.

2. Secara umum, keadaan ini boleh menjejaskan imej JUPEM kerana Jabatan boleh dilihat sebagai tidak memberikan perhatian yang serius kepada usaha kerajaan untuk memperkemaskan pentadbiran serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaiannya kearah memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan. Ini cukup ketara khususnya apabila tempoh masa sebagaimana yang dijanjikan dalam Piagam Pelanggan Jabatan tidak dapat dipenuhi, tambahan pula dengan varian yang besar. Ringkasnya, kegagalan menyempurnakan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh yang telah berlalu akan tentunya menimbulkan implikasi yang negatif dan oleh itu perlu diberikan perhatian yang serius.

3. Bagi menangani keadaan ini, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri yang terbabit adalah dengan ini diingatkan lagi supaya memberikan komitmen sepenuhnya untuk menyelesaikan kerja-kerja ukur hakmilik pra-1995 dengan segera. Kearah itu, masalah-masalah yang berhubungkait dengan fail kerja berkaitan hendaklah dikenalpasti dan tindakan yang sesuai diambil untuk menyelesaikannya secara wajar. Di samping itu perancangan kerja yang rapi hendaklah dibuat agar urusan berkenaan dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam masa yang terdekat ini.

4. Untuk tujuan pemantauan, JUPEM Negeri yang berkenaan adalah dengan ini dikehendaki untuk menyediakan laporan lengkap mengenai setiap fail Pra-1995 yang masih belum diselesaikan dan hendaklah mengemukakannya kepada Bahagian Kadaster, Ibu Pejabat JUPEM pada atau sebelum **15 Mac 2004**. Laporan bulanan seterusnya hendaklah dihantar tidak lewat daripada **minggu pertama bulan** berikutnya. Format laporan adalah sepertimana di **Lampiran 'A'**. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan terhadap fail-fail berkaitan, ulasan hendaklah dibuat dalam ruangan catatan borang tersebut.

5. Mengenai perkara yang sama, JUPEM Negeri juga dikehendaki untuk turut memberikan keutamaan kepada penyelesaian kerja-kerja pra-2000, khususnya bagi yang telah pun menyempurnakan tunggakan kerja pra-1995.

Sekian, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**



**(DATO' HAMID BIN ALI)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

**Salinan kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah Ukur Seksyen Penyelarasan dan Dasar Kadaster